

06/09/1997

Membina kekuatan baru bangsa Melayu

DI AKHIR ucapan dasar Presiden Umno, bertemakan 'Menebus maruah bangsa dan agama' di Perhimpunan Agung Umno, semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan tanggungjawab Umno bagi menghadapi cabaran masa depan adalah lebih besar, berbanding cabaran yang sudah dihadapi dan diatasi sebelum ini. Apa yang sudah berlaku telah pun menjadi sejarah bangsa. Perjuangan berikutnya, yang akan terus diterajui Umno, ialah untuk menempa sejarah baru. Masyarakat hari ini mungkin memuliakan jasa pejuang yang memerdekakan negara tetapi apakah yang akan kita tinggalkan kepada generasi akan datang. Kita mungkin boleh meninggalkan kemajuan fizikal yang sudah dicipta. Tetapi ia bukanlah bekalan yang mutlak. Kita perlu meninggalkan mereka satu bentuk budaya dan corak pemikiran maju sebagai benteng kekuatan bangsa masa depan.

Dalam ucapannya Dr Mahathir banyak menyentuh soal budaya yang boleh kita tafsirkan dalam konteks yang begitu luas. Kita tidak seharusnya gagal mengaitkannya dengan soal kekayaan, kekuatan, kecekapan dan ilmu. Hanya menerusi budaya masyarakat yang terbuka dan mengikut peredaran zaman membolehkan generasi akan datang merintis masa depan lebih cemerlang.

Hari ini ramai antara kita yang masih terkongkong dengan persepsi dan pengertian budaya yang sempit. Budaya sering dikaitkan dengan masalah sosial masyarakat dan tidak kurang pula yang membabitkannya dengan soal hukum agama. Budaya bukan sekadar mencakupi segala aspek kehidupan daripada cara berpakaian dan tingkah-laku tetapi juga pemahaman mengenai sains dan teknologi. Tanpa budaya ingin tahu terhadap segala ciptaan manusia akibat kemajuan ilmu, kita mengabaikan satu aspek budaya yang amat berharga.

Pada kita, Dr Mahathir mahu rakyat menjadi lebih progresif, inovatif dan memiliki daya saing yang kuat, mengambil alih corak budaya masyarakat yang lemah semangat. Kita perlu akui kemajuan fizikal yang kita cipta hari ini pun bukan sekadar didorong oleh kemajuan ekonomi tanpa sokongan faktor masyarakat. Kita memang boleh melaung-laungkan kejayaan kita dengan membandingkan dengan kemajuan kaum lain yang lebih mundur. Tetapi, di manakah kedudukan kita berbanding negara maju? Kita masih muda dan belum mampu meletakkan diri kita sebaris dengan mereka. Kita memerlukan perubahan yang berterusan. Kita mesti mengubah persepsi, cara berfikir dan bertindak rakyat terlebih dahulu. Hari ini kita adalah bangsa yang separuh maju. Ini adalah hakikat kerana walau pun kita boleh berbangga dengan kemajuan negara setakat ini, kita juga perlu akui bahawa kita belum boleh mengisytiharkan Malaysia sebagai negara pencipta teknologi. Kita belum selesa untuk digelar sebagai kaum yang maju selagi pemikiran kita dibelenggu dengan soal hukum yang ditafsirkan secara sempit.

Kita mengagumi kepercayaan Dr Mahathir terhadap sikap rakyat Malaysia yang boleh maju dan beranjak lebih jauh setanding dengan kaum lain, melihat kepada kemampuan fizikal, mental dan semangat jitu yang wujud dalam diri kita. Yang berbeza ialah budaya, sistem nilai hidup dan tamadun. Untuk berubah bermakna kita perlu membentuk budaya maju dan tamadun baru yang lebih sesuai mengikut peredaran zaman. Kita mungkin boleh 'mencuri' pengetahuan mereka menerusi ilmu sebagaimana mereka lakukan kepada kaum Arab. Ini bermakna kita perlu mengenali mereka terlebih dahulu menerusi pelbagai maklumat yang terkandung dalam khazanah ilmu mereka.

Kita tidak mempunyai khazanah seperti ini kerana budaya masyarakat kita

sejak dari dulu mengamalkan sikap tidak bersungguh-sungguh. Kita terlalu memikirkan soal pantang larang daripada melihat kepada kebaikan. Kita boleh mempertahankan maruah tetapi janganlah melihatnya dari satu sudut yang sempit. Apabila terlalu banyak sentimen dikaitkan dengan sesuatu perubahan yang akan dibuat, ia hanya menyebabkan kita sukar berganjak. Kita sudah melalui zaman primitif dan kini dalam proses membuang sebahagian amalan tradisi yang usang untuk menuju ke satu tahap pemodenan yang lebih tinggi. Ini tidak bermakna kita membuang semangat bangsa kita.

Anjakan budaya bukanlah untuk kita semata-mata. Ia untuk bekalan generasi akan datang. Jika kita berpuas hati menjadi bangsa yang separuh maju, tanpa mahu mengubah sikap, generasi akan datang pun akan mewarisi corak pemikiran kita yang begitu sukar berubah. Jika generasi terdahulu boleh membina perahu, sepatutnya kita sudah mampu membina kapal. Mengapa ini tidak berlaku kepada bangsa kita?

(END)